

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	15/4/2019	MUKA SURAT	: 11
JABATAN	:	BMG / JMG / JKPTG / BAUKSIT		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Bauksit: SOP lebih lestari dirangka

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH

utusan@utusan.com.my

■ Kuantan 14 APRIL

JAWATANKUASA Eksekutif Penilaian Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit di negeri ini merumuskan bahawa SOP baharu berhubung kegiatan berkenaan yang kini di peringkat draf boleh dilaksanakan tanpa dengan baik masalah terdahulu.

Ketika membuat kesimpulan itu dalam sesi pendengaran awam hari ini, Pengerusi Jawatankuasa tersebut, Prof. Datuk Azizan Abu Samah dari Akademi Sains Malaysia berkata, cadangan-cadangan yang terkandung dalam SOP boleh dilaksanakan dan akan menyumbang kepada aktiviti perlombongan yang lestari.

Kata beliau, adalah penting untuk meletakkan asas supaya kegiatan perlombongan dan



AZIZAN ABU SAMAH

pengeksportan bauksit berkenaan dilakukan secara lestari diikuti dengan peningkatan pengeksploasaan.

“SOP baharu ini dapat memberi sedikit keyakinan kepada masyarakat bahawa ia boleh dilaksanakan dengan baik dan tidak membawa balik isu-isu yang dikaitkan dengan perlombongan dan pengeksportan bauksit sebelum ini,” katanya dalam sesi pendengaran awam tersebut di Dewan Jubi Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini.

Jawatankuasa eksekutif penilaian itu turut dianggotai Pengerusi Jawatankuasa tersebut, Prof. Datuk Dr. Mazlin Mokhtar; Pengerusi Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) negeri, Noor Jehan Abu Bakar dan Pengerah Eksekutif Malaysian Chamber Of Mines, Mu-

hammad Nor Muhammad.

Prosiding lima jam itu bertujuan mendengar penjelasan semua pihak berkepentingan termasuk daripada kerajaan negeri, jabatan dan agensi kerajaan terlibat, pemain industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pakar pengurusan alam sekitar, kesihatan awam serta orang awam mengenai draf SOP tersebut yang dimuat naik di portal Kementerian Air, Tanah, dan Sumber Asli sejak 31 Mac lalu.

Draf setebal 174 muka surat itu menjelaskan, keseluruhan

rantatan aktiviti perlombongan bermula peringkat praperombongan, semasa perlombongan dan pascaperombongan termasuk pengendalian logistik dan penyimpanan stok di pelabuhan.

Sesi pendengaran berkenaan bermula dengan penerangan wakil pihak-pihak terlibat mengenai draf SOP aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit mengikut bidang masing-masing diikuti orang awam mengemukakan cadangan atau komen penambahbaikan dan rumusan oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian SOP.

Menurut Azizan, secara prinsipnya, SOP itu dibina kerana tidak mahu negeri ini kembali kepada keadaan seperti kegiatan perlombongan dan pengeksportan bauksit dahulu yang membawa pelbagai masalah seperti debu merah dan pencemaran.

Beliau berkata, jawatankuasa eksekutif berkenaan mengambil maklum semua pandangan yang dikemukakan pelbagai pihak dalam sesi pendengaran awam itu dan dalam tempoh sebulan ini untuk diperhalusi sebelum dimuktamadkan.